

2.2.1 Unit Ukuran bagi Imej Digital dan Audio Digital

- 1 Lengkapkan maklumat tentang piksel yang berikut dengan jawapan yang betul.
 - (a) _____ yang terdapat pada imej di monitor komputer dikenal sebagai piksel.
 - (b) _____ sesuatu imej ialah bilangan piksel yang terdapat pada imej tersebut.
 - (c) _____ diukur berdasarkan bilangan piksel dalam unit dpi (*dot per inch*).

Jika imej A mempunyai resolusi 85 dpi maka:

Setiap satu inci grid imej A mempunyai 85 piksel lebar dan (d) _____ piksel tinggi bersamaan dengan jumlah piksel = (e) _____

- 2 Nyatakan sama ada pernyataan di bawah ini **BENAR** atau **SALAH**.
 - (a) Imej dengan resolusi 10 dpi kelihatan lebih jelas daripada imej dengan 100 dpi.
(_____)
 - (b) Semakin tinggi nilai resolusi (dpi) sesuatu imej, maka semakin jelas imej tersebut.
(_____)
 - (c) Imej digital yang beresolusi 300 dpi adalah memadai untuk menghasilkan cetakan yang baik.
(_____)
- 3 Apakah hubungan antara bilangan bit dengan kedalaman bit warna?

- 4 (a) Perhatikan corak yang terhasil dalam jadual di bawah ini, kemudian lengkapkan ruang kosong.

| Kedalaman Bit Warna (bit) | Jalan Kerja | Bilangan Warna |
|---------------------------|-------------|----------------|
| 1 | 2^1 | 2 |
| 2 | 2^2 | 4 |
| 3 | 2^3 | 8 |
| 4 | i. | vi. |
| 8 | ii. | vii. |
| 16 | iii. | viii. |
| 24 | iv. | ix. |
| 30 | v. | x. |

- (b) Apakah hasil rumusan daripada jadual di atas?
